

## **DASAR DAN GARIS PANDUAN INSENTIF BAGI STAF PENTADBIRAN YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN**

### **Bentuk Insentif**

Yuran pengajian dan insentif bagi staf yang tidak layak mendapat Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) diberikan kepada staf pentadbiran yang melanjutkan pengajian. Merangkumi semua bentuk mod pengajian (sepenuh masa / separuh masa), dan juga sama ada ditaja untuk cuti belajar, biasiswa, atau atas pembiayaan sendiri.

#### **Yuran pengajian**

- a. Bagi staf pentadbiran yang melanjutkan pengajian tanpa pembiayaan yuran, pihak UTHM akan membayar semula kesemua yuran pengajian yang terlibat sepanjang tempoh pengajian berdasarkan **tempoh minimum** seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran pengajian.
- b. Pembayaran semula yuran kepada staf akan dibuat berdasarkan permohonan setelah staf selesai pengajian dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- c. Tempoh minimum ini adalah terpakai dalam kes-kes penangguhan, dan tidak dipertimbangkan bagi tempoh perlanjutan atau bagi menduduki semula subjek yang telah gagal.
- d. Walaubagaimanapun, bagi staf pentadbiran yang menyelesaikan pengajian dengan lanjutan tempoh boleh memohon pembiayaan yuran pengajian bagi tempoh minimum sahaja.

- e. Yuran yang akan dibayar oleh pihak UTHM kepada staf adalah berdasarkan jumlah asal seperti yang telah ditentukan oleh universiti pengajian pada awal pengajian.
- f. Jumlah pembiayaan yuran pengajian tidak meliputi yuran-yuran lain seperti aktiviti, yuran ulangan kursus dan lain-lain.
- g. Bagi staf yang mengikuti pengajian di IPTS, pembayaran balik yuran adalah mengikut yuran lazim seperti yang dikenakan di IPTA.

#### **Insentif**

- a. Kelayakan pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) adalah terhad merentasi 17 jenis skim perkhidmatan sahaja sebagaimana yang tertakluk dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1994, 2/1995, 29/2007, dan Surat Edaran 1995, serta pindaannya. Bagi staf pentadbiran dengan skim perkhidmatan yang tidak dinyatakan dalam pekeliling HPG adalah dicadangkan untuk diberikan insentif berdasarkan kadar seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Kadar Pemberian Insentif

<b>Peringkat Pengajian</b>		<b>Cadangan Insentif (RM)</b>
<b>Diploma</b>		1,000
<b>Sarjana Muda</b>		2,000
<b>Sarjana</b>	Kerja Kursus	3,000
	Mod Campuran	4,000
	Penyelidikan	5,000
<b>PhD</b>		7,000

## **Syarat Kelayakan**

Syarat kelayakan penerima pembiayaan yuran pengajian dan insentif adalah sama seperti yang ditetapkan untuk permohonan cuti belajar staf pentadbiran. Berikut merupakan senarai syarat-syarat tersebut.

- i. Terbuka kepada staf pentadbiran bagi semua gred dan skim perkhidmatan.
- ii. Telah disahkan dalam jawatan.
- iii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di UTHM.
- iv. Telah mengisytiharkan harta.
- v. Bebas dari tindakan tatatertib atau mahkamah.
- vi. Markah Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya purata minimum 85% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut; atau mengemukakan Laporan Kemajuan Kursus (LKK) dengan keputusan sangat baik (markah 70% ke atas).
- vii. Tiada had umur untuk semua peringkat pengajian.
- viii. Pemohon melanjutkan pengajian ketika sedang berkhidmat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- ix. Bidang pengajian adalah relevan dengan jawatan hakiki dan keperluan universiti.
- x. Mendapat kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab dan Pendaftar untuk melanjutkan pengajian bagi mod pengajian separuh masa sebelum memulakan pengajian.
- xi. Bagi permohonan yuran pengajian dan insentif, pemohon perlu berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh minimum seperti yang ditetapkan oleh universiti pengajian. Walaubagaimanapun, bagi staf yang menyelesaikan pengajian dengan lanjutan tempoh boleh memohon pembiayaan yuran pengajian bagi tempoh minimum sahaja.
- xii. Telah memperoleh kelulusan bagi peringkat pengajian yang dipohon dengan keputusan seperti di Jadual 2;

Jadual 2: Syarat Minimum Keputusan Pengajian

Peringkat	Keputusan pengajian
Diploma / Sarjana Muda	Lulus dengan CGPA 2.5 ke atas
Sarjana (Kerja Kursus) / Ed.D	Lulus dengan CGPA 3.0 ke atas
Sarjana (Penyelidikan / Mod Campuran) / Ph.D	Lulus

### Prosedur Permohonan

Pemohon perlu mengemukakan permohonan secara rasmi melalui Ketua Pusat Tanggungjawab kepada Jawatankuasa Cuti Belajar Staf Bukan Akademik. Permohonan perlu mematuhi perkara-perkara seperti berikut.

- i. Permohonan hanya boleh dibuat setelah pemohon menyelesaikan pengajian dengan jayanya.
- ii. Maklumat-maklumat seperti kos yuran pengajian dan resit serta penyata bayaran, dan keputusan peperiksaan berserta transkrip perlu disertakan dengan permohonan.
- iii. Permohonan hanya layak dipertimbangkan sekiranya dikemukakan dalam tempoh satu (1) tahun selepas daripada tarikh kelulusan.
- iv. Pembiayaan ini hanyalah kemudahan yang diberikan kepada staf dan bukan hak staf dan ianya boleh berubah daripada semasa ke semasa.
- v. Sekiranya staf memperoleh kemudahan ini, ianya tidak menjamin staf untuk menjawat jawatan yang bersesuaian dengan kelulusan pengajian yang diperolehi.

### Kuasa Melulus

Permohonan hanya akan dipertimbangkan dengan sokongan Ketua Pusat Tanggungjawab. Jawatankuasa Cuti Belajar Staf Bukan Akademik

bertanggungjawab membuat keputusan perakuan kepada Jawatankuasa Eksekutif untuk kelulusan.

### **Ikatan Kontrak**

Tiada ikatan kontrak, dan staf perlu diberi peluang sekiranya ditawarkan pekerjaan di gred yang lebih tinggi oleh agensi di luar UTHM.

### **Tarikh Kuatkuasa**

Tarikh penguatkuasaan pemberian insentif dan yuran pengajian kepada staf pentadbiran adalah mulai 1 Januari 2014.